



KAD PRIHATIN SISWA

Frequently Asked Questions (FAQ)

No.	Soalan	Jawapan
1.	Jika pelajar telah mempunyai akaun simpanan sedia ada di bank RHB, adakah perlu membuka akaun di bawah inisiatif Kad Prihatin Siswa (KPS)?	<p>Ya perlu. Pengesahan diperlukan untuk pembukaan akaun baru atas nama Simpanan-i Pro. Akaun di bawah inisiatif KPS adalah akaun khas yang diwujudkan oleh pihak bank RHB dan akaun ini dinamakan Akaun Simpanan-i Pro. Antara keistimewaan Simpanan-i Pro ini adalah tiada yuran tahunan yang akan dikenakan oleh pihak bank RHB ke atas pelajar sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. (Sumber: RHB)</p>
2.	Saya dah ada akaun RHB. Perlukah saya isi pengesahan pembukaan akaun?	
3.	Perlukah mahasiswa membuka akaun di RHB sendiri ataupun akan dibuka secara automatik oleh pihak UM/RHB?	<p>Tidak perlu. Pembukaan akaun akan dibuka secara automatik oleh pihak RHB setelah pelajar memberikan persetujuan (<i>consent</i>). (Sumber: RHB)</p> <p>Pelajar perlu membuat persetujuan (<i>consent</i>) pembukaan Akaun Simpanan-i Pro melalui portal MAYA sehingga 31 Julai 2022. (Sumber: KPT)</p>
4.	Mengenai inisiatif e-wallet, apakah bentuk e-wallet yang akan diwujudkan? (Smartphone Apps/ kad menyimpan kredit/ etc)	<p><i>E-Wallet</i> atau kemudahan pembayaran tanpa tunai akan ditawarkan melalui aplikasi dalam talian (<i>mobile apps</i>) yang disediakan oleh rakan kolaborasi <i>E-wallet</i> atau penyedia perkhidmatan pembayaran tanpa tunai yang dipilih oleh bank. (Sumber: RHB)</p>
5.	Adakah duit yang dimasukkan ke dalam akaun RHB Bank seseorang mahasiswa oleh pihak PTPTN akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun UM bagi menjelaskan yuran mahasiswa tersebut?	<p>Ya. Proses pemotongan yuran bagi pelajar di bawah pembiayaan PTPTN akan diteruskan seperti sebelum ini.</p>
6.	Sekiranya PTPTN dari Bank Islam, adakah pelajar perlu memberikan maklumat bank RHB kepada pihak PTPTN bagi tujuan pengkreditan duit pinjaman.	<p>Sebarang pengemaskinian data pelajar ke PTPTN diuruskan oleh Unit Biasiswa dan Tajaan (UBT), Pusat Pentadbiran dan Perkhidmatan Akademik (AASC).</p>

No.	Soalan	Jawapan
7.	Merujuk kepada klausula kelima, adakah ia bermaksud mahasiswa tidak akan menerima duit PTPTN sekiranya mereka enggan memberikan persetujuan untuk penggunaan Kad Prihatin Siswa?	Pinjaman PTPTN bagi Semester 1, Sesi 2022/2023 akan dikreditkan ke akaun sedia ada (Bank Islam). Mulai Semester 2, Sesi 2022/2023 duit PTPTN akan dikreditkan kepada pelajar melalui akaun RHB sahaja. <i>(Sumber: KPT dan RHB)</i>
8.	Saya sekarang berada di sem 6, sem depan saya perlu melakukan latihan industri. So, perlukah saya memohon kepada kad ini?	
9.	If pelajar akan graduate this November, perlu ke isi consent form?	Ya. Pelajar yang masih aktif pada semester hadapan masih perlu memberi <i>consent</i> kecuali pelajar yang telah mendapat status bergraduat.
10.	Adakah pelajar 3rd year dan 4th year juga perlu membuat pengesahan? Atau jika saya masih ada lagi baki penerimaan PTPTN atau JPA dalam satu sem lagi, jadi saya perlu sahkan?	
11.	Adakah semua pelajar termasuk pelajar PHD diwajibkan untuk memberi <i>consent</i> Kad Prihatin Siswa?	Ya. Semua pelajar peringkat pengajian adalah DIWAJIBKAN memberi <i>consent</i> kecuali pelajar peringkat Asasi.
12.	Adakah pelajar Wajib membuat persetujuan untuk KPS atau hanya untuk penerima PTPTN/ biasiswa sahaja?	Persetujuan adalah wajib bagi membolehkan pihak Bank membuka akaun Simpanan-i Pro dan menawarkan MySiswa Debit Card-i yang juga merupakan Kad Matrik pelajar. <i>(Sumber: RHB)</i>
13.	Adakah untuk kemaskini gambar di dalam Mysis akan dikenakan bayaran sebanyak RM15.00?	Tiada bayaran dikenakan. Gambar yang dikemaskini adalah untuk tujuan cetakan pada KPS.
14.	Sekiranya pelajar setuju, adakah perlu tick kotak "Consent for Cross Selling, Marketing, Promotion etc. of Products and Services" juga?	Tidak Wajib. Persetujuan untuk perkongsian data untuk "Cross Selling, Marketing, Promotion etc. of products and Services" adalah PILIHAN. Hanya butang "Disclaimer" dan "Agree" sahaja yang wajib ditekan sekiranya tidak bersetuju untuk berkongsi data. Sekiranya pelajar tidak bersetuju untuk berkongsi data tetapi telah tick kotak "Consent for Cross Selling, Marketing, Promotion etc. of Products and Services", pelajar <u>boleh menukar opsyen tersebut</u> kemudian melalui perbankan internet atau dicawangan RHB.
15.	Pengesahan untuk berkongsi data tersebut wajib tekan? Sebab saya tak nak kongsi data saya dengan <i>third party</i> .	<i>(Sumber RHB)</i>

No.	Soalan	Jawapan
16.	Merujuk kepada klausula persetujuan dalam kotak biru tersebut, apakah maksud <i>cross-selling</i> ? Adakah ini bermaksud RHB Bank berkuasa menjual maklumat peribadi pelajar kepada pihak yang lain?	<p><i>Cross-Selling</i> merujuk kepada perkongsian maklumat pelajar kepada Rakan Kongsi Strategik/ <i>Third Parties</i> yang berkaitan sahaja.</p> <p>(Sumber RHB)</p>
17.	Merujuk kepada klausula persetujuan dalam kotak biru tersebut, apakah maksud <i>third parties</i> ? Adakah <i>third parties</i> ini terhad kepada pihak-pihak tertentu? Jika ya, apakah pihak-pihak tersebut? Jika tidak, adakah ini bermakna pihak RHB Bank berkuasa untuk memberikan maklumat mahasiswa kepada mana-mana pihak?	<p><i>Third parties</i> merujuk kepada organisasi bukan dalam lingkungan RHB Banking Group dan anak syarikat/<i>subsidiary</i> RHB. <i>Third parties</i> merujuk kepada yang terpilih sahaja untuk memberi pelajar perkhidmatan dan promosi terpilih yang berkaitan dan bersesuaian.</p> <p>(Sumber RHB)</p>
18.	Adakah kad matriks akan sama macam sekarang? Atau akan ada kad matriks baru yang digabungkan?	<p>Tidak. Kad matrik baharu akan dikeluarkan dengan fungsi tambahan sebagai kad debit bank.</p>
19.	Adakah pelajar Wajib membuat Persetujuan untuk KPS atau hanya untuk penerima PTPTN/ biasiswa sahaja?	<p>Ya. Semua pelajar wajib memberikan persetujuan (<i>consent</i>) untuk KPS, terutamanya penerima PTPTN.</p>
20.	Adakah <i>user avatar</i> yang dipaparkan di profile MySis menunjukkan yang gambar tidak berjaya <i>diupload</i> ?	<p>Ya, tidak berjaya. Hantar log aduan melalui UM Helpdesk dan lampirkan gambar yang perlu dimuatnaik. Pihak PTM akan ambil tindakan selanjutnya.</p> <p>Category: ICT Services Product: ISIS Receiver: Pusat Teknologi Maklumat/Entreprise Management System division/ISIS</p>
21.	Gambar saya 10 KB tetapi mengapatakan boleh <i>upload</i> ?	<p>Log aduan melalui UM Helpdesk dan lampirkan gambar yang perlu dimuatnaik. Pihak PTM akan ambil tindakan selanjutnya.</p> <p>Category: ICT Services Product: ISIS Receiver: Pusat Teknologi Maklumat/Entreprise Management System division/ISIS</p>
22.	Benarkah sekiranya <i>consent</i> tidak dibuat, keputusan peperiksaan akan diselektrik?	<p>Ya. Pelajar diminta untuk memberikan persetujuan (<i>consent</i>) Kad Prihatin Siswa bagi membolehkan keputusan peperiksaan dapat dilihat.</p>

No.	Soalan	Jawapan
23.	Apakah yang dimaksudkan dengan pemasaran, promosi dari <i>statement</i> di dalam borang <i>consent</i> KPS? Adakah data pelajar akan didedahkan kepada RHB?	ia adalah kebenaran untuk membenarkan dan memberi kuasa kepada RHB Bank Berhad untuk memproses maklumat pelajar yang telah diberikan untuk tujuan <u>penjualan silang, pemasaran, promosi</u> (termasuk untuk menjalankan tawaran dan pertandingan) kepada Kumpulan Perbankan RHB termasuk syarikat induk, anak syarikatnya, mana-mana syarikat bersekutu dan/atau mana-mana syarikat/cawangan hasil daripada sebarang penstrukturran semula, penggabungan, penjualan atau pemerolehan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia). (Sumber: RHB)
24.	Jika gambar saya tidak dapat <i>diupload</i> dalam Mysis atau tidak sesuai, permohonan atau penerimaan KPS saya akan <i>delay</i> atau macam mana?	Log aduan melalui UM Helpdesk dan lampirkan gambar yang perlu dimuatnaik. Pihak PTM akan semak Category: ICT Services Product: ISIS Receiver: Pusat Teknologi Maklumat/Entreprise Management System Division/ISIS
25.	Bagaimana pihak HEP akan <i>notify</i> kami tentang cara nak mengambil KPS ini nanti? Dan bila jangkaan tarikh KPS ini akan dikeluarkan?	Pihak HEP dengan kerjasama AASC akan memaklumkan kepada pelajar berkenaan tatacara pengambilan KPS melalui saluran hebatan melalui "Student Info" termasuk media sosial rasmi.
26.	Adakah akaun bank RHB ini akan automatik ganti akaun Bank Islam yang selama ini menjadi tempat untuk credit duit pinjaman/biasiswa kami? Jika ya, kami akan dapat info tentang akaun bank RHB kami bagaimana dan bila?	Akaun bank RHB akan digunakan untuk penyaluran pinjaman PTPTN. Penyaluran pinjaman PTPTN kepada akaun ini akan dilaksanakan setelah proses pengaktifan akaun dan kad dibuat oleh pelajar. Untuk setiap akaun bank yang telah berjaya dibuka, pelajar akan menerima notifikasi menerusi sms/email. (Sumber: RHB & KPT) Pembayaran pinjaman/biasiswa selain PTPTN yang dibayar melalui UM akan menggunakan akaun bank yang dikemaskini oleh pelajar dalam MAYA. Maklumat lanjut berkenaan akaun debit RHB boleh diperolehi semasa sesi pengaktifan kad bersama pihak RHB yang dijangka pada bulan Oktober 2022. Pihak RHB akan membuka booth di UM untuk tujuan aktifkan kad. (Sumber: RHB)
27.	Adakah pelajar Asasi dan Diploma student juga perlu memberikan consent?	Pelajar Asasi bagi sesi 2022/2023 dikecualikan untuk mengisi borang persetujuan kad prihatin siswa. Pelajar Diploma diwajibkan mengisi borang persetujuan kad prihatin siswa terutama kepada pelajar diploma yang menerima pinjaman PTPTN. Ini adalah kerana bermula Mac 2023, kesemua bayaran daripada PTPTN hanya akan disalurkan ke Akaun Simpanan-i Pro sahaja. (Sumber: RHB)

No.	Soalan	Jawapan
28.	Apakah proses seterusnya selepas membuka <i>account bank</i> ?	<p>Selepas Akaun Simpanan-i Pro berjaya dibuka, Kad Prihatin Siswa akan dicetak untuk serahan kepada pihak UM untuk urusan serahan kepada pelajar. Seterusnya, pelajar akan di maklumkan, melalui hebahan oleh pihak UM untuk mengaktifkan akaun dan kad debit di kiosk/<i>booth</i> RHB yang akan di sediakan di universiti pada tarikh yang akan diberitahu kelak.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Sumber: RHB)</i></p>
29.	Bagi pelajar yang tidak bersetuju untuk memberi <i>consent</i> , apa mereka perlu buat kerana tiada butang <i>DISAGREE</i> ?	<p>Semua pelajar adalah DIWAJIBKAN memberi <i>consent</i> melainkan pelajar yang akan bergraduat pada tahun ini atau pada Feb 2023.</p> <p>Pelajar yang tidak memberi <i>consent</i> tidak akan menerima manfaat daripada Kad Prihatin Siswa.</p> <p>Antara manfaat Kad Prihatin Siswa adalah :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkasa dan mempelbagaikan fungsi kad; (kad diskaun, kad matrik, kad debit, <i>e-wallet</i>) 2. Memudahkan penyaluran peruntukan, pinjaman pendidikan serta bantuan kewangan kepada akaun pelajar; (penyaluran duit PTPTN, bantuan kewangan <i>one-off</i>) 3. Transformasi ekosistem transaksi kewangan di IPT ke arah <i>cashless campus</i>; (pembelian di kafeteria, koperasi, kedai buku dan lain-lain perkhidmatan dalam kampus) 4. Menyeragamkan kemudahan atau fasiliti dan tawaran/ keisitmewaan/ ganjaran/ promosi kepada pelajar IPT; (perkhidmatan pesanan makanan, <i>e-hailing</i>, peralatan sukan dan produk/ perkhidmatan syarikat telekomunikasi) 5. Tiada yuran tahunan dikenakan ke atas pemilik kad pelajar sepanjang pengajian di Universiti; 6. Sistem mata ganjaran untuk mendapatkan barang atau baucer serta digunakan untuk pembelian bahan bacaan, alat tulis, alatan komputer dan akses internet; 7. Kemudahan/ fasiliti mesin ATM RHB akan dibangunkan oleh RHB di Universiti untuk kemudahan pelajar. <p style="text-align: right;"><i>(Sumber: KPT)</i></p>

No.	Soalan	Jawapan
30.	Apakah status kad debit ini setelah saya bergraduat?	<p>Objektif utama KPS adalah untuk memperkasakan mahasiswa menerusi penghasilan kad debit yang akan turut berfungsi sebagai kad matrik. Oleh itu, sekiranya seseorang pelajar itu masih mempunyai urusan berkaitan pengajian seperti menerima PTPTN/ biasiswa dan lain-lain, pelajar perlu membuat persetujuan (<i>consent</i>) dalam tempoh 1 – 31 Julai 2022 melalui portal MAYA.</p> <p>Untuk makluman, setelah tamat pengajian, Akaun Simpanan-i Pro akan ditamatkan dan ditukarkan secara automatik ke akaun simpanan biasa RHB (nombor akaun dikekalkan) dan pelajar perlu menggantikan Kad Prihatin Siswa yang tidak aktif dengan kad debit RHB yang baharu di cawangan RHB yang berdekatan.</p> <p>Jika tidak menerima sebarang e-mel daripada RHB selepas tamat pengajian/ penarikan diri dari Universiti, sila hubungi terus RHB atau boleh pergi ke mana-mana cawangan RHB/RHB Islamic di seluruh negara untuk mendapatkan Kad Debit-i baharu dan mengemas kini butiran peribadi terkini.</p> <p>Pelajar dikehendaki mengemas kini maklumat peribadi terkini anda di mana-mana Cawangan RHB Islamic/RHB dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh penukaran akaun. Jika gagal berbuat demikian, akses untuk melakukan transaksi melalui semua saluran (termasuk Perbankan Internet - RHBNow) akan dinafikan/sekat.</p>

Disediakan oleh,

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)

Pusat Pentadbiran dan Perkhidmatan Akademik (AASC)

Pusat Teknologi Maklumat (PTM)

26.07.2022